


IQRA'

BIL. 9/2025
SEPTEMBER



Penyertaan dalam Sesi Perbincangan Program Telaah Sempena Festival Idea Putrajaya (Putrajaya FOI) Anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)

Disediakan oleh: Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Shah Alam
Kampus: UiTM Shah Alam, Selangor

Tarikh : 12 September 2025

Lokasi : Putrajaya



Saya berkesempatan menghadiri sesi perbincangan awal berkaitan pelaksanaan Program Telaah sempena Festival Idea Putrajaya (Putrajaya FOI) anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) yang dijadualkan berlangsung pada 8 November 2025.

Mesyuarat ini telah berlangsung pada 8 September 2025 (Isnin), bertempat di Bilik Mesyuarat Ibnu Bajah 1, Aras 2, KPT, Putrajaya, dan dipengerusikan oleh YBrs. Dr. Norazli Md Daud, Setiausaha Akhbar kepada Menteri Pendidikan Tinggi.

Sesi perbincangan memberi tumpuan kepada konsep, struktur, dan pengisian intelektual bagi Program Telaah, yang merupakan salah satu komponen utama Festival Idea Putrajaya 2025.

Turut hadir dalam sesi ini ialah:

- Puan Marhanum M. Hanif, Setiausaha Bahagian Biasiswa
- Encik Fazli Said, Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan
- YBhg. Datin Nor Azzah Momin, Ketua Pustakawan USIM
- Encik Hazmir Hj. Zainal, Ketua Pustakawan UKM

Program Telaah KPT merupakan sebuah wadah wacana ilmiah yang menghimpunkan tokoh akademik, pemikir, dan pelbagai pihak berkepentingan bagi membincangkan isu-isu strategik berkaitan pendidikan tinggi, masa depan ilmu serta peranan masyarakat dalam pembentukan naratif ilmu negara.

Menariknya, Program Telaah turut disokong melalui pembangunan Portal Telaah Universiti Awam yang dibangunkan oleh Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), UiTM. Portal ini merupakan sebuah platform digital yang berfungsi sebagai pusat rujukan, himpunan bahan bacaan serta dokumentasi perbincangan intelektual yang berlangsung sepanjang festival. Ia membolehkan akses terbuka kepada warga akademik, penyelidik, dan masyarakat umum untuk mendalami serta meneruskan kesinambungan wacana ilmu secara maya.

BULETIN IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
SHAH ALAM



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak



@libraryuitm



@libraryuitm



@perpustakaanuitm



@uitmlibrary



@perpustakaanuitm

Hubungi kami:



03 5521 1704



korporatptar@uitm.edu.my



Unit Korporat dan Kolaborasi,
Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),
UiTM Shah Alam.



library.uitm.edu.my